

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN MA'MUN BIN SULAIMAN [KALABAKAN]

TARIKH : 8 DISEMBER 2021 (RABU)

SOALAN

TUAN MA'MUN BIN SULAIMAN [KALABAKAN] minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan kesediaan dan keutamaan Kementerian untuk menaik taraf jalan-jalan kampung di dalam daerah Kalabakan terutamanya jalan-jalan yang menjadi akses kepada penduduk Kampung Pinang Murut, Kampung Murut Batu 1, Kampung Murut Ulu Kalabakan dan Kampung Murut Batu 2 di daerah Kalabakan yang terpaksa berulang alik ke Pekan Kalabakan dalam menjalani urusan seharian.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman YB, Kementerian sentiasa bersedia untuk membina, menaik taraf dan membaik pulih jalan² kampung di seluruh negara sejak projek jalan kampung ini bermula pada 1981 hingga kini. Kementerian akan terus memberi fokus dan komitmen melaksanakan projek ini kerana ia menjadi akses penting masyarakat yang dapat meningkatkan kemajuan infrastruktur dari segi fizikal, ekonomi dan sosial termasuk di daerah Kalabakan. Sebagai rekod, pada tahun 2020 dan 2021, sebanyak 26 projek jalan kampung di bawah Projek Jalan Perhubungan Desa telah dilaksanakan di Kalabakan dengan jumlah peruntukan sebanyak RM6.54juta.

Untuk makluman Yang Berhormat, setakat ini pihak Kementerian masih tidak menerima sebarang permohonan daripada Yang Berhormat. Oleh yang demikian, Yang Berhormat bolehlah mengemukakan permohonan kepada KPLB untuk tindakan seperti siasatan dan laporan lapangan terlebih dahulu bagi menentukan skop dan kos berdasarkan proses yang sedang berkuat kuasa.

Sekian, terima kasih.